



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-  
20984800

Fax : 03-  
20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 6/99**  
**PENGUMUMAN MENGENAI PENGANTUNGAN KURSUS-KURSUS**  
**YANG DIKENDALIKAN OLEH CAI-OXBRIDGE (MALAYSIA) SDN.**  
**BHD.**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai pengantungan kursus-kursus yang ditawarkan atau dikendalikan oleh syarikat Cai-Oxbridge (Malaysia) Sdn. Bhd. yang mempunyai hubungan dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Syarikat Cai-Oxbridge (Malaysia) Sdn. Bhd. merupakan penyedia latihan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Skim PERLA. Syarikat ini juga menjalankan kursus yang diluluskan di bawah Skim PROLUS.
- 2.2 Pihak Majlis sedang menjalankan siasatan terhadap syarikat ini dan selagi kes ini belum selesai, semua program latihan yang dijalankan oleh syarikat ini yang mempunyai kaitan dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia digantung. Dengan demikian juga, permohonan majikan untuk mengikuti latihan yang dikendalikan oleh syarikat Cai-Oxbridge (Malaysia) Sdn. Bhd. di bawah Skim SBL tidak akan dipertimbangkan.

**3. SKOP PENGANTUNGAN**

- 3.1 Majikan diharap mengambil maklum bahawa pengantungan syarikat Cai-Oxbridge (Malaysia) Sdn. Bhd. sebagai penyedia latihan adalah berkaitan dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia sahaja dan tidak melibatkan agensi lain.
- 3.2 Majikan juga boleh mengikuti latihan yang dikendalikan oleh syarikat terbabit selagi tidak memohon bayaran balik kos latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

**4. PENUTUP**

- 4.1 Dengan pengantungan ini, pihak Majlis tidak akan membuat bayaran geran latihan terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh majikan atau oleh syarikat Cai-Oxbridge (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi pihak majikan selepas tarikh kuatkuasa Pekeliling ini.
- 4.2 Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap kos latihan yang telah dibayar dan tidak dapat dituntut balik daripada syarikat berkenaan.

**5. TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Pekeliling Majikan ini berkuatkuasa pada 15 Jun 1999 sehingga dibatalkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN HAMZAH)

b/p Ketua Pengarah

Majlis Pembangunan Sumber Manusia

